

18/07/2000

Mahathir unggul Wawasan Melayu

BEKAS pemain kebangsaan, Mahathir Mustafa menjuarai Kejohanan Badminton Wawasan Melayu Melaka selepas mengalahkan pilihan kedua, Mohd Zaki Rosdin dalam perlawanan akhir berlanjutan tiga set di Dewan Tengkeru, semalam.

Mahathir yang tewas 12-15 pada set pertama acara perseorangan lelaki terbuka itu mengambil masa 62 minit untuk menewaskan lawannya 15-3, 15-8.

Bagaimanapun, Mohd Zaki yang berpasangan dengan Hairulzamani Othman muncul johan acara beregu terbuka lelaki mengalahkan pasangan Mahathir-Zainal Abu 15-1, 15-8.

Pasangan Mohd Yusof Abu Samah dan Syed Mustaza Syed Mustakim memenangi beregu remaja mengalahkan Mohamad Shukri-Ezzffyy Suhaimi 15-5, 15-11.

(END)